PETER ANTHONY lwn. PP

MAHKAMAH TINGGI MALAYA, KUALA LUMPUR
AHMAD BACHE H
[RAYUAN JENAYAH NO: WA-42R-10-05-2022]
31 JULAI 2023

Abstrak – *Apabila isu pokok dalam pertuduhan ialah melakukan pemalsuan bagi maksud menipu bawah s. 468 Kanun Keseksaan, pihak pendakwaan tidak perlu membuktikan elemen penipuan telah berlaku. Memadai bagi pihak pendakwaan membuktikan bahawa pemalsuan satu dokumen itu dibuat bagi maksud untuk menipu. Tiada keperluan untuk pihak pendakwaan membuktikan kehilangan yang salah atau kedapatan yang salah seperti yang dinyatakan dalam s. 23 Kanun Keseksaan.*

UNDANG-UNDANG JENAYAH: *Kesalahan – Kanun Keseksaan – Seksyen 468 – Kesalahan melakukan pemalsuan bagi maksud menipu – Memasukkan tajuk palsu dalam dokumen sah iaitu sepucuk surat sedangkan dokumen tersebut asalnya tidak mempunyai tajuk sedemikian – Pemalsuan menyebabkan kelulusan diberi dan tertuduh memperoleh projek – Sama ada mens rea tertuduh berjaya dibuktikan – Sama ada pihak pendakwaan berjaya membuktikan kes pendakwaan pada tahap melampaui keraguan munasabah*

PROSEDUR JENAYAH: *Rayuan – Rayuan terhadap sabitan dan hukuman – Tertuduh didapati bersalah melakukan pemalsuan bagi maksud menipu – Memasukkan tajuk palsu dalam dokumen sah iaitu sepucuk surat sedangkan dokumen asal tidak mempunyai tajuk sedemikian – Pemalsuan menyebabkan kelulusan diberi dan tertuduh memperoleh projek – Tertuduh dijatuhkan hukuman penjara tiga tahun dan denda RM50,000 atau penjara 15 bulan jika gagal bayar – Sama ada sabitan selamat – Sama ada hukuman terlalu berat – Kanun Keseksaan, s. 468*

Perayu, seorang bekas Menteri Negeri Sabah dan Pengarah Urusan Syarikat Asli Jati Engineering Sdn Bhd ('Syarikat Asli Jati'), dituduh bawah s. 468 Kanun Keseksaan di Mahkamah Sesyen kerana melakukan pemalsuan dengan memasukkan satu pernyataan palsu dalam satu dokumen yang sah iaitu sepucuk surat ('P2'), dengan cara memasukkan tajuk palsu pada P2 sedangkan P2 asalnya tidak mempunyai tajuk sedemikian. Tujuan pemalsuan ini adalah untuk menipu dan dengan P2, kelulusan telah diperoleh dan perayu berjaya mendapat sebuah projek dengan Universiti Malaysia Sabah ('UMS') yang dikenali sebagai projek 'smart partnership'. Saksi utama pendakwaan, SP3, memberi keterangan bahawa (i) dia telah pergi ke pejabat perayu dan hanya dia (SP3) dan perayu sahaja yang berada di situ; (ii) atas arahan perayu, SP3 telah menaipkan draf surat sokongan berkenaan surat sokongan tentang projek 'smart partnership' antara Syarikat Asli Jati dan

A UMS di pejabat perayu; (iii) SP3 turut meninggalkan softcopy surat tersebut dalam komputer perayu dan juga kepala surat Timbalan Naib Canselor UMS ('SP8') yang kosong; (iii) SP3 tidak menaipkan nombor surat rujukan dan paling penting sekali, tajuk dalam P2 iaitu 'Kerja-kerja Operasi dan Penyelenggaraan bagi Sistem Mekanikal dan Elektrikal di Bangunan Fasa 2B,
B Bangunan dan Infra di Kampus Induk (FPL/Pusat Rawatan Luar Warga Sikuati, Kudat) dan Bangunan Lain Universiti Malaysia Sabah - Selama Lima (5) Tahun'; (iv) semasa SP3 meninggalkan kepala surat tersebut di pejabat perayu, surat tersebut tidak mengandungi apa-apa isi kandungan tetapi apabila SP3 menerima semula daripada perayu pada tarikh berikutnya, surat
C tersebut telah ditaip dengan tajuk seperti dalam P2 sekarang ini; (v) kandungan P2 menyatakan bahawa UMS tiada halangan dan menyokong penuh kerjasama antara anak syarikat UMS, dan Syarikat Asli Jati untuk melaksanakan kerja-kerja kontrak seperti dalam tajuk 'P2' dalam konteks 'smart partnership'; (vi) perayu telah membawa SP3 bersama-sama ke Pejabat Perdana Menteri dan sebelum itu, SP3 telah menyerahkan P2 yang
D ditandatangani oleh SP8 kepada perayu. Mereka berdua kemudian berjumpa dengan Ketua Setiausaha Sulit Perdana Menteri iaitu arwah Datuk Azlin Alias ('arwah Datuk Azlin'). SP8 tidak ada bersama-sama mereka dan hanya perayu dan SP3 sahaja yang hadir; (vii) SP3 nampak perayu berbual dengan arwah Datuk Azlin dan ketika itu, P2 ada bersama-sama dengan perayu.
E Selepas itu, perayu dan arwah Datuk Azlin masuk ke pejabat arwah Datuk Azlin dan apabila keluar dari pejabat tersebut, SP3 nampak P2 tidak lagi berada bersama-sama perayu. Menurut SP8 pula, (i) beliau menandatangani SP8 atas arahan perayu; (ii) keadaan tidak mengizinkan beliau mempunyai masa membaca P2; dan (iii) jika beliau tahu P2 bukan untuk tujuan sebenar,
F beliau tidak akan menurunkan tanda tangan. Perayu dalam pembelaannya menafikan yang (i) dia memalsukan P2; (ii) SP3 datang ke pejabatnya dan menaip deraf surat sokongan untuk 'smart partnership' serta meninggalkan letterhead kosong pejabat Timbalan Naib Canselor Universiti Malaysia Sabah di pejabat perayu; dan (iii) dia menaipnya iaitu memalsukan
G sebahagian P2, khususnya kepala (tajuk) surat itu. Perayu juga menyatakan bahawa SP8 yang menyerahkan P2 kepada arwah Datuk Azlin. Di akhir kes, Mahkamah Sesyen mendapati perayu bersalah, mensabitkannya atas pertuduhan dan menjatuhkan hukuman penjara tiga tahun dan denda RM50,000 atau penjara 15 bulan jika gagal bayar. Maka timbul rayuan ini.

H **Diputuskan (menolak rayuan; mengekalkan keputusan Mahkamah Sesyen):**

(1) SP3 telah memberi keterangan bahawa semasa ke Pejabat Perdana Menteri, SP8 tidak ada bersama-sama SP3 dan perayu. Keterangan ini gagal dicabar oleh perayu. Keterangan SP3 ini benar dan amat
I 'probable' malah berdasarkan keterangan perayu sendiri, perayu mempunyai hubungan baik dengan arwah Datuk Azlin. Ini tidak memungkinkan SP3 atau SP8 boleh berjumpa dan bercakap/berbincang dengan Datuk Azlin dengan begitu mudah. Seterusnya, tidak mungkin

SP3 sendiri mahupun SP8 boleh naik ke pejabat arwah Datuk Azlin untuk mendapatkan cop pada P2. Menurut SP3, perayu dan arwah Datuk Azlin masuk ke dalam pejabat arwah Datuk Azlin bersama-sama P2 yang masih berada bersama-sama perayu. Apabila keluar dari pejabat arwah Datuk Azlin, SP3 tidak nampak lagi SP2 bersama-sama perayu. Hanya satu inferens sahaja yang boleh dibuat iaitu P2 telah diterima oleh arwah Datuk Azlin untuk diangkat seterusnya kepada Perdana Menteri ('SP12'). Keterangan SP3 ini dikukuhkan lagi dengan cop penerimaan pada P2. Ini satu keterangan dokumentari yang kukuh. Walaupun keterangan SP3 tidak memerlukan sokongan berdasarkan s. 52 Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009, berkenaan cop pada P2, ini menunjukkan adanya kebenaran pada keterangan SP3 tersebut. (perenggan 42-45)

(2) Dalam keadaan biasa, arwah Datuk Azlin perlu dipanggil untuk memberi keterangan. Namun, beliau telah meninggal dunia akibat kemalangan helikopter sebelum perayu dipertuduh. Oleh itu, inferens bertentangan tidak boleh dikenakan terhadap pihak pendakwaan atas kegagalannya memanggil arwah Datuk Azlin. Adalah tepat apabila Hakim Mahkamah Sesyen membuat dapatan bahawa pihak pendakwaan berjaya membuktikan pada tahap melampaui keraguan munasabah bahawa perayulah orang yang memalsukan dan seterusnya menyerahkan P2 kepada Datuk Azlin di Pejabat Perdana Menteri hingga menyebabkan award tersebut diluluskan oleh SP12. Perayu gagal menimbulkan keraguan munasabah terhadap kes pihak pendakwaan. (perenggan 56-58 & 61)

(3) *Mens rea* perayu boleh dilihat berdasarkan kelakuan perayu sendiri. Pertama ialah pembohongan perayu yang menyatakan P2 tidak pernah diserahkan kepada Datuk Azlin walhal keterangan langsung daripada SP3 yang kredibel menunjukkan sebaliknya. Keduanya, cop penerimaan menunjukkan P2 ada diterima oleh Pejabat Setiausaha Perdana Menteri dan disokong oleh keterangan SP3 serta SP8 yang gagal ditangkis oleh pembelaan perayu. Inferens yang boleh dibuat ialah perayu telah membuat sebahagian P2 bagi membuatkan mana-mana orang mempercayai bahawa P2 telah dibuat dengan kuasa yang diberi oleh UMS walhal UMS tidak pernah memberikan apa-apa kebenaran kepada perayu. Niat jahat perayu juga terbukti apabila beliau sendiri mengakui beliau mempunyai hubungan rapat dengan SP12 dan dengan keistimewaan sedemikian, beliau mempunyai peluang yang SP3, SP8 dan SP9 tidak mempunyai kelebihan hinggakan sanggup menghantar surat dengan 'letterhead' Syarikat Asli Jati untuk penyambungan kontrak lama Syarikat Asli Jati dengan UMS selama lima tahun, terus kepada SP12. Ini menunjukkan niat dan kelakuan jahat perayu yang sengaja membelakangi UMS kerana tidak meminta kebenaran UMS terlebih dahulu, seolah-olah projek itu memang milik perayu atau Syarikat Asli Jati. (perenggan 63, 65 & 66)

(4) Niat jahat perayu juga boleh dilihat daripada niat buruk dan perbuatan perayu yang telah mengetahui bahawa projek tersebut telah diawardkan kepada syarikat lain sebelum ini melalui tender terbuka oleh UMS. Isu award untuk projek ini sepatutnya telah pun selesai. Malahan, Syarikat Asli Jati telah mengambil bahagian dalam tender terbuka tersebut tetapi tidak berjaya. Namun, perayu masih beria-ia untuk mendapatkan projek ini walhal perayu sedia maklum tentang kedudukan sebenar. Ini jelas satu 'dishonest concealment of facts' oleh perayu. Perayu telah menyembunyikan fakta ini ketika berurusan dengan SP3, SP8 dan SP9 bagi maksud asal iaitu merealisasikan projek tersebut. Perbuatan perayu yang disengajakan ini tergolong bawah Explanation 1 pada s. 145 Kanun Keseksaan sebagai satu bentuk niat jahat. SP12, sebagai seorang Perdana Menteri merangkap Menteri Kewangan, telah berjaya diperdayakan oleh perayu dengan P2 yang akhirnya mengakibatkan surat kelulusan dikeluarkan. (perenggan 68, 69 & 71)

(5) Perbuatan perayu yang sanggup melakukan apa sahaja demi mendapatkan projek di UMS adalah tindakan yang tamak dan tidak menghormati undang-undang negara serta prosedur-prosedur yang terpakai. Hukuman yang dijatuhkan oleh Mahkamah Sesyen iaitu tiga tahun penjara adalah sesuai dan berpatutan. Hukuman yang dijatuhkan adalah kurang setengah daripada hukuman maksima tujuh tahun sedangkan bawah s. 172D Kanun Tatacara Jenayah, hanya tertuduh yang mengaku bersalah melalui 'plea bargaining' sahaja yang layak mendapat hukuman separuh daripada maksima. Perayu dalam kes ini tidak mengaku bersalah dan kes ini melalui satu perbicaraan penuh. Jumlah denda yang dikenakan iaitu RM50,000 atau pemenjaraan lima belas bulan jika gagal bayar juga berpatutan setelah mengambil kira keseriusan kesalahan, fakta dalam kes ini dan hukuman-hukuman dalam kes serupa yang dirujuk oleh pihak pendakwaan dan sebagai pengajaran kepada perayu serta sebagai peringatan pada bakal-bakal pesalah supaya jangan melakukan kesalahan sebegini. (perenggan 104, 109 & 110)

Kes-kes yang dirujuk:

Adam Atan v. PP [2009] 1 CLJ 33 CA ***(refd)***
Bird Dominic Jude v. PP [2014] 4 CLJ 133 FC ***(refd)***
Chan Chwen Kong v. PP [1962] MLJ 307 ***(refd)***
Dato' Seri Anwar Ibrahim v. PP [2002] 3 CLJ 457 FC ***(refd)***
Datuk Hj Harun Hj Idris & Ors v. PP [1977] 1 LNS 24 FC ***(refd)***
Herchun Singh v. PP [1969] 1 LNS 52 FC ***(refd)***
Kamis v. PP [1974] 1 LNS 59 FC ***(refd)***
Lo Vun Chung v. PP [2011] 1 LNS 589 HC ***(refd)***
Magendran Mohan v. PP [2010] 5 CLJ 390 CA ***(refd)***
Mohd Khir Toyo v. PP [2015] 8 CLJ 769 FC ***(refd)***
Parlan Dadeh v. PP [2009] 1 CLJ 717 FC ***(refd)***
PP v. Dato' Hj Azman Mahalan [2010] 6 CLJ 34 CA ***(refd)***
PP v. Datuk Hj Harun Hj Idris (No. 2) [1976] 1 LNS 184 ***(refd)***

PP v. Loo Choon Fatt [1976] 1 LNS 102 HC ***(refd)***
PP v. Wan Razali Kassim [1970] 1 LNS 121 FC ***(refd)***
Shivaji Narayan Shinde v. The State Of Maharastra [1971] 73 BOMLR 215 ***(refd)***
Tan Sri Abdul Rahim Noor v. PP [2001] 1 CLJ 645 HC ***(refd)***
Wong Swee Chin v. PP [1980] 1 LNS 138 FC ***(refd)***

Perundangan yang dirujuk:
Criminal Procedure Code, ss. 129(1)(a), (b), (c), 172D
Evidence Act 1950, ss. 7, 114(g)
Federal Constitution, art. 145(3)
Malaysian Anti-Corruption Commission Act 2009, ss. 3, 52(1)(iii), 58, 67
Penal Code, ss. 23, 415, 463, 464, 468

Bagi pihak tertuduh/perayu - Devanandan S Subramaniam & Khavenesh Devanandan; T/n Deva & Assocs
Bagi pihak pendakwa raya/responden - Wan Shaharuddin Wan Ladin & Haresh Prakash Somiah; TPR

Reported by Lina E

PENGHAKIMAN

Ahmad Bache H:

Pendahuluan

[1] Di dalam kes ini, tertuduh/perayu seorang bekas Menteri Negeri Sabah telah dituduh di Mahkamah Sesyen melakukan pemalsuan dengan memasukkan satu pernyataan palsu di dalam satu dokumen yang sah ("P2") dengan cara memasukkan tajuk palsu kepada surat "P2" (surat sokongan dari UMS) yang mana surat tersebut sebelum ini tidak mempunyai tajuk sedemikian. Tujuan pemalsuan ini adalah bagi maksud menipu. Dengan surat "P2" ini, maka kelulusan telah diperolehi dan tertuduh/perayu mendapat projek tersebut – satu keuntungan salah. Pertuduhan utama (pindaan) ke atasnya adalah seperti berikut:

Pertuduhan

[2] Tertuduh/perayu telah dituduh dengan pertuduhan pindaan kepada pertuduhan utama seperti yang berikut:

> Pindaan kepada Pertuduhan Utama
>
> Bahawa kamu, di antara 13 Jun 2014 dan 21 Ogos 2014, di Pejabat Ketua Setiausaha Sulit kepada Y.A.B Perdana Menteri Malaysia, Tingkat 5, Bangunan Perdana Putra, Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan, Putrajaya, sebagai Pengarah Urusan Syarikat Asli Jati Sdn Bhd telah melakukan sesuatu pemalsuan kepada surat Pejabat Timbalan Naib Canselor UPS, Ruj: ULINK/UPSB/ADM/VOL.1/010 (012) 9 Jun 2014 dengan memasukkan pernyataan palsu pada tajuk surat tersebut dengan niat ianya digunakan untuk tujuan menipu dan dengan itu telah melakukan satu kesalahan yang boleh dihukum di bawah seksyen 468 Kanun Keseksaan.

A Hukuman:

(a) Penjara selama tempoh yang boleh sampai 7 tahun, dan

(b) dengan denda.

[3] Tertuduh/perayu telah dibicarakan di depan Hakim Mahkamah
B Sesyen (HMS) dan diakhir kes, HMS telah mendapati tertuduh/perayu bersalah, disabitkan dan dijatuhi hukuman penjara tiga tahun mulai tarikh jatuh hukum dan denda RM50,000 atau penjara 15 bulan jika gagal bayar. Di atas keputusan itu, tertuduh/perayu kini merayu ke mahkamah ini mengenai sabitan dan hukuman.

C **[4]** Setelah mendengar hujahan kedua-dua pihak, mahkamah ini telah menolak rayuan tertuduh/perayu terhadap sabitan dan hukuman. Tidak berpuas hati dengan keputusan tersebut, tertuduh/perayu telah memfailkan rayuannya ke Mahkamah Rayuan.

[5] Ini merupakan alasan-alasan kepada keputusan tersebut.
D

Tanggungjawab Mahkamah Yang Mendengar Rayuan

[6] Adalah menjadi undang-undang yang mantap bahawa rayuan merupakan proses sambung bicara. Di dalam kes *Bird Dominic Jude v. PP* [2014] 4 CLJ 133, Mahkamah Persekutuan menyatakan seperti berikut:
E

> On this point it is important to consider that an appeal is a continuation of a trial. Consequently, the criminal proceedings against the appellant is continued. This gives jurisdiction to the Court of Appeal to rehear the case and decide on the appellant's guilt or innocence in respect of the drug trafficking charge against him.

F **[7]** Namun, mahkamah di peringkat rayuan tidak boleh tergopoh-gapah untuk mengganggu dapatan hakim bicara seperti mana yang telah diputuskan di dalam kes *Herchun Singh v. PP* [1969] 1 LNS 52, di mana Mahkamah Persekutuan dalam alasannya menyatakan seperti berikut:

G
> It is not surprising, therefore, that the learned trial Judge, having to choose whom to believe, preferred Chellaperumal. He had the advantage of seeing and hearing both witnesses consequently we must refer to him in assessing their relative credibility.

[8] Keputusan ini diikuti di dalam kes *PP v. Wan Razali Kassim* [1970] 1 LNS 121, di mana dinyatakan:
H

> An appellate Court should be slow to interfere with the finding of fact by a lower Court as an appellate Court does not have the advantage of seeing and hearing the witnesses and therefore of assessing their credibility.

I

Undang-undang Mengenai Kesalahan Di Bawah Seksyen 468 Kanun Keseksaan Dan Seksyen-seksyen Berkaitan Dengannya

[9] Seksyen 468 Kanun Keseksaan menyatakan seperti berikut:

> Barang siapa melakukan pemalsuan, dengan maksud supaya dokument pemalsuan itu digunakan bagi maksud hendak menipu, hendaklah dihukum dengan pemenjaraan selama tempoh yang boleh sampai tujuh tahun, dan hendaklah juga dikenakan denda.

[10] Memandangkan isu pokok ialah melakukan pemalsuan bagi maksud menipu maka di bawah s. 468 Kanun Keseksaan, pihak responden tidak perlu membuktikan elemen penipuan ini telahpun berlaku. Memadai bagi Pendakwa Raya membuktikan bahawa pemalsuan sesuatu dokumen itu dibuat bagi maksud untuk menipu. Ini sejajar dengan keputusan Mahkamah Persekutuan iaitu kes *Datuk Hj Harun Hj Idris & Ors v. PP* [1977] 1 LNS 24; [1978] 1 MLJ 240 di mana Mahkamah Persekutuan memutuskan:

> With regard to the third main point, namely that P12 was intended to be used for the purpose cheating, the learned trial judge considered and **we agree that the prosecution need not prove the actual commission of the offence of cheating but only that the three accused intended P12 to be used for the purpose of cheating**. (penekanan ditambah)

[11] Di dalam kes *Shivaji Narayan Shinde v. The State Of Maharashtra* [1971] 73 BOMLR 215, Mahkamah Bombay di perenggan 11, alasan penghakiman menyatakan:

> The ingredient of the offence under Section 468 is the committing of forgery with a particular intent, that intent being that the document forged should be used for the purpose of cheating. The section does **not require that the accused should acutally commit the offence of cheating**.
>
> (penekanan ditambah)

Di bahagian lain, mahkamah memutuskan:

> In the present case, the fact that the appellant did not succeed in cheating the postal authorities is irrelevant. There can be no doubt that the appellant committed forgery. His act falls under the second clause of Section 464 read with Section 463. He has dishonestly, to at is, with intent to cause wrongful gain to himself, altered the pass book-in-material parts thereof after it was made and executed by the postal authorites without his having any lawful authority to do so. He has done so in order to cause the postal authorities to part with property, namely, money, to him, his purpose being to deceive the postal authorities by inducing them to believe that he was the account holder and there was sufficient credit in the account for payment of a sum of Rs. 500 to him, in order to induce the postal authorities to deliver Rs. 500 to him. Thus, all the ingredients of Section 468 are found in the present case. **He had appellant succeeded in obtaining Rs. 500, in addition to the offence under Section 468 he would have also committed and offence under Section 420**.
>
> (penekanan ditambah)

[12] Berdasarkan kes *PP v. Datuk Hj Harun Hj Idris (No. 2)* [1976] 1 LNS 184; [1977] 1 MLJ 15, nampaknya tiada sebarang keperluan untuk pendakwaan membuktikan elemen penipuan itu telah berlaku bagi suatu pertuduhan di bawah s. 468 Kanun Keseksaan. Maka, tiada keperluan untuk pendakwaan membuktikan kehilangan yang salah atau kedapatan yang salah seperti dinyatakan di dalam s. 23 Kanun Keseksaan.

[13] Justeru, tidak ada keperluan untuk pendakwaan membuktikan UMS telah mengalami kerugian disebabkan pemalsuan "P2". Memadai untuk membuktikan tertuduh/perayu telah memalsukan "P2" dengan niat untuk menipu.

[14] Kesalahan di bawah s. 468 perlu di baca bersekali dengan s. 463, s. 464 dan s. 415 Kanun yang sama. Definisi pemalsuan di bawah s. 463 berbunyi:

> Barang siapa membuat mana-mana dokumen atau sebahagian dokumen palsu dengan niat hendak menyebabkan kerosakan atau bencana kepada awam atau kepada mana-mana orang, **atau hendak menyokong apa-apa tuntutan atau hak**, atau hendak menyebabkan mana-mana orang melepaskan harta atau apa-apa kontrak yang nyata atau yang disifatkan ada, atau dengan niat hendak melakukan fraud atau supaya fraud boleh dilakukan, adalah melakukan pemalsuan.
>
> (penekanan ditambah)

[15] Seksyen 464 Kanun Keseksaan pula berbunyi:

> 464 Membuat suatu surat palsu
>
> Seseorang adalah dikatakan membuat suatu surat palsu:
>
> (a) jika ia dengan curangnya, atau dengan tipuan membuat, menandatangani, memeteri, atau menyempurnakan sesuatu surat atau sesebahagian surat, atau membuat apa-apa tanda yang menunjukkan sesuatu surat telah disempurnakan, dengan niat hendak menyebabkan supaya surat atau sesebahagian surat itu dipercayai telah dibuat, ditandatangani, dimeteri, atau disempurnakan oleh atau dengan kuasa seseorang yang olehnya atau dengan kuasanya diketahuinya tidak dibuat, ditandatangani, dimeteri, atau disempurnakan, atau pada waktu yang padanya diketahuinya tidak dibuat, ditandatangani, dimeteri, atau disempurnakan;
>
> (b) jika ia dengan tiada kuasa yang sah di sisi undang-undang, dengan curangnya atau dengan tipuan, mengubah dengan jalan memadamkan atau dengan jalan lain, sesuatu surat di mana-mana bahagiannya yang mustahak, selepas surat itu dibuat atau disempurnakan sama ada olehnya sendiri atau oleh seseorang lain, sama ada orang itu masih hidup atau telah mati pada waktu perubahan itu; atau

(c) jika ia dengan curangnya atau dengan tipuan menyebabkan seseorang menandatangani, memeteri, menyempurnakan, atau mengubah sesuatu surat, dengan mengetahui bahawa orang itu, oleh kerana akalnya tidak sempurna atau oleh kerana mabuk, tidak boleh mengetahui, atau bahawa oleh kerana ia diperdayakan ia tidak ketahui kandungan surat itu atau keadaan perbuatan itu.

[16] Seksyen 415 Kanun Keseksaan pula berbunyi begini:

415 Tipu

Barang siapa dengan memperdayakan mana-mana orang, sama ada atau tidak perdayaan tersebut ialah dorongan tunggal atau utama:

(a) dengan fraud atau dengan curang mendorong orang yang diperdayakan demikian untuk menghantar apa-apa harta kepada mana-mana orang, atau bersetuju bahawa mana-mana orang boleh menyimpan apa-apa harta; atau

(b) dengan sengaja mendorong orang yang diperdayakan demikian membuat atau meninggalkan untuk membuat apa-apa yang mana orang itu tidak akan buat atau meninggalkan untuk dibuat jika ia tidak diperdayakan demikian dan tindakan atau peninggalan yang mana menyebabkan atau mungkin menyebabkan kerosakan atau mudarat kepada badan, ingatan, reputasi atau harta mana-mana orang, adalah dikatakan "menipu".

Penganalisaan Dan Dapatan Mahkamah

[17] Di peringkat rayuan ini, adalah menjadi tanggungjawab mahkamah ini untuk meneliti dan menyemak semula sama ada HMS telah membuat keputusan yang betul berdasarkan keseluruhan keterangan yang ada dan tidak tersalah arah mindanya sebelum membuat keputusan sedemikian.

[18] Setelah meneliti rekod rayuan, alasan penghakiman dan hujahan kedua-dua pihak, mahkamah mendapati bahawa HMS telah tidak tersilap dan tidak tersalah arah apabila setelah membuat penilaian maksima telah memanggil tertuduh/perayu membela diri di atas pertuduhan pindaan kepada pertuduhan pertama (*ie*, terbuktinya satu kes *prima facie*). HMS setelah memanggil tertuduh/perayu untuk membela diri dan telah membandingkan kes pembelaan dan pendakwaan dengan pertimbangan yang sewajarnya dan akhirnya telah memutuskan bahawa pihak pendakwaan telah berjaya membuktikan kesnya melampaui keraguan yang munasabah dan tertuduh/perayu telah gagal menimbulkan keraguan yang munasabah ke atas kes pendakwaan. Mahkamah ini setelah meneliti rekod rayuan termasuk alasan penghakiman telah mengesahkan keputusan tersebut setelah menilai keterangan-keterangan yang ada seperti berikut:

Sama Ada Tertuduh/Perayulah Yang Memalsukan Sebahagian Surat "P2" itu

[19] Saksi utama kes pendakwaan adalah SP3, Mohd Shukor bin Mohd Din, SP8 Professor Dr Shariff Abd Kadir dan SP9 Dato' Abdullah Mohd Said. SP8 dan SP9 masing-masing adalah Timbalan Naib Canselor dan Pendaftar Universiti Malaysia Sabah (UMS). SP3 adalah anak saudara kepada SP9; seorang awam dan juga ahli peniagaan di waktu yang berkenaan. tertuduh/perayu pula adalah Pengarah Urusan Syarikat Asli Jati Engineering Sdn Bhd (Asli Jati/AJESB).

[20] Adalah menjadi kes pendakwaan bahawa tertuduh/perayulah yang memalsukan sebahagian surat "P2" itu dengan memasukkan pernyataan palsu kepada tajuk surat "P2" tersebut. Beban untuk membuktikannya terletak di atas bahu pendakwaan.

[21] Mahkamah sedia maklum bahawa keterangan langsung bagi kes-kes jenayah putih/rasuah adalah amat sukar diperolehi maka akhirnya pendakwaan perlu bergantung kepada keterangan mengikut keadaan (circumstantial evidence) termasuk keterangan bahawa tertuduh/perayu sahaja yang mempunyai peluang di bawah s. 7 Akta Keterangan – (facts which afforded an opportunity).

[22] Mengenai maksud "circumstantial evidence" di dalam kes *Magendran Mohan v. PP* [2010] 5 CLJ 390; [2010] 6 MLJ 619, Sulong Matjeraie HMR menyatakan di para. 25: "In other words, circumstantial evidence consists of this: that when you look at all the surrounding circumstances, you find such a series of undesigned, unexpected coincidences that, as a reasonable person, you find your judgment is compelled to one conclusion. If the circumstantial evidence is such as to fall short of that standard, if it does not satisfy that test, if it leaves gaps then it is of no use at all."

[23] Di dalam kes *Chan Chwen Kong v. PP* [1962] MLJ 307 di para. 27 Thompson J berkata: "[27] In *Kamis v. PP* [1974] 1 LNS 59; [1975] 1 MLJ 46, the Federal Court approved the standard of proof in a case where the evidence against the appellant was entirely circumstantial when it said that: 'for a court to rely on circumstantial evidence the evidence when considered must point only to the guilt of the accused; it must not be capable of any other interpretation or any other meaning'. "

[24] Pihak tertuduh/perayu di dalam pembelaan menafikan yang beliau telah memalsukan surat "P2" tersebut dengan memasukkan tajuk kepada surat tersebut. Tertuduh/perayu juga menafikan yang SP3 telah datang ke pejabatnya di Plaza Damai Kota, Kinabatangan dan menaip deraf surat sokongan untuk smart partnership serta meninggalkan letterhead kosong pejabat Timbalan Naib Canselor UMS di pejabat tertuduh/perayu. Pendirian tertuduh/perayu juga adalah beliau tidak menaipnya iaitu tidak memalsukan

sebahagian surat "P2" itu khususnya kepala (tajuk) surat itu. Tertuduh/perayu telah memanggil dua orang saksi untuk menafikannya. Mahkamah ini telah meneliti semula keseluruhan kes pendakwaan dan juga kes pembelaan.

[25] Ke arah itu, mahkamah telah mengambilkira keterangan mengikut keadaan dari keterangan saksi pendakwaan dan juga keterangan-keterangan saksi pembelaan termasuk tertuduh/perayu sebagai SB1 dan SB2 dan SB3 seperti di bawah dan akan memutuskan sama ada hakim bicara telah tidak tersalah arah dan telah membuat keputusan yang betul ataupun sebaliknya.

[26] Saksi utama pendakwaan, SP3 telah memberi keterangan bahawa pada sekitar 9 Jun 2014, beliau telah pergi ke pejabat tertuduh/perayu di mana hanya beliau dan tertuduh/perayu sahaja yang berada di pejabat tertuduh/perayu. Menurut SP3, di atas arahan tertuduh/perayu, SP3 telah menaipkan draf surat sokongan berkenaan projek "smart partnership" di antara Syarikat Asli Jati dan UMS di pejabat tertuduh/perayu. SP3 turut meninggalkan soft copy surat tersebut dalam komputer tertuduh/perayu dan juga kepala surat Timbalan Naib Canselor yang kosong yang diterima sebelum ini daripada SP8 sendiri. SP3 juga menyatakan dengan jelas bahawa dia tidak menaipkan nombor surat rujukan dan paling penting sekali, tajuk kepada eks. "P2". Tajuk "P2" bertarikh 9 Jun 2014 berbunyi seperti berikut: "Kerja-kerja Operasi Dan Penyelenggaraan Bagi Sistem Mekanikal Dan Elektrikal Di Bangunan Fasa 2B, Bangunan Dan Infra Di Kampus Induk (FPL/Pusat Rawatan Luar Warga Sikuati, Kudat) Dan Bangunan Lain Universiti Malaysia Sabah – Selama Lima Tahun". Malahan, SP3 menyatakan bahawa semasa beliau meninggalkan kepala surat tersebut di pejabat tertuduh/perayu, ianya tidak mengandungi apa-apa isi kandungan tetapi apabila SP3 terima semula daripada tertuduh/perayu pada 9 Jun 2023, ianya telah ditaip serta bertajuk seperti di "P2" sekarang ini. Menurut SP3, pada tarikh tersebut (tak ingat waktu) seterusnya tertuduh/perayu telah mengarahkan SP3 untuk membawa surat itu kepada SP8 untuk ditandatangani oleh SP8. Surat "P2" ini telah ditandatangani oleh SP8 di hadapan SP3 di Grace Court dengan tergesa-gesa kerana waktu itu hari sudah gelap dan SP8 ingin pulang ke rumah.

[27] Kandungan surat "P2" itu menyatakan pihak UMS tidak ada halangan dan menyokong penuh kerjasama di antara U Link Property Sdn Bhd, sebuah anak syarikat UMS dan Asli Jati syarikat milik tertuduh/perayu bagi melaksanakan kerja-kerja kontrak seperti di tajuk "P2" di dalam konteks "smart partnership". Keterangan ini gagal dicabar secara serius.

[28] Selain SP3, dua lagi saksi penting pendakwaan iaitu SP8 dan SP9 (yang masing-masing merupakan Timbalan Naib Canselor dan Pendaftar UMS pada ketika itu), telah turut memberi keterangan sokongan. Perlu ditekankan di sini bahawa ketiga-tiga saksi penting ini dilindungi oleh s. 52(1)(iii) Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia di mana ketiga-tiga mereka tidak boleh dianggap sebagai rakan sejenayah, semata-mata telah terlibat di dalam

jenayah yang dilakukan tertuduh/perayu ini di bawah s. 468 Kanun Keseksaan. (Lihat kes *Mohd Khir Toyo v. PP* [2015] 8 CLJ 769; [2015] 5 MLJ 429). Justeru, keterangan mereka boleh berdiri dengan sendirinya tanpa perlunya keterangan sokongan (lihat juga kes *PP v. Dato' Hj Azman Mahalan* [2010] 6 CLJ 34). Keterangan menunjukkan mereka dengan ikhlas hati telah beranggapan bahawa eksh. "P2" merupakan projek "smart partnership" di antara UMS dan Asli Jati, sebuah syarikat kepunyaan tertuduh/perayu.

[29] Selain dari perlindungan undang-undang di atas, meneliti keseluruhan keterangan mereka yang saling sokong-menyokong di antara satu sama lain, mahkamah ini bersetuju bahawa ketiga-tiga saksi ini merupakan saksi-saksi yang kredibel kerana mereka tidak ada agenda atau kepentingan peribadi dan tidak memperolehi manfaat peribadi jika projek tersebut diawardkan kepada Asli Jati. Malahan, SP8 dan SP9 telah memberi keterangan berhubung nasib buruk yang menimpa mereka disebabkan kes ini. Kerjaya panjang mereka terpaksa dihentikan disebabkan kes ini. SP8 juga ada memberi keterangan di dalam jilid 2A pada ms. 151, bahawa hajat murninya bersama SP9 untuk membangunkan UMS melalui program smart partnership tidak kesampaian.

[30] SP9 telah memberi keterangan bahawa beliau dan keluarganya terpaksa menanggung malu disebabkan kes ini. Mahkamah ini bersetuju dengan hujahan TPR yang mengendalikan rayuan ini bahawa tidak ada sebab bagi kedua-dua Pegawai Kanan UMS seperti SP8 dan SP9 ini memalsukan eksh. "P2" lebih-lebih lagi apabila mengambil kira fakta bahawa UMS telah mengambil tindakan disiplin terhadap mereka. Hakim bicara juga telah mengambil maklum berhubung perkara ini seperti di perenggan 58 pada ms. 52 di dalam Jilid 1.

[31] Di ms. 47 para. 46 pula, HMS berkata:

> [46] Mahkamah juga mendapati tiada asas untuk mahkamah meragui kredibiliti saksi-saksi Pendakwaan dan keterangan mereka terutamanya SP8, SP9 dan SP3 kerana SP8 dan SP9 juga turut terkesan akibat kejadian ini dan tindakan serta hukuman tatatertib telah dikenakan terhadap mereka. Manakala, SP3 pula tidak mempunyai kepentingan langsung terhadap projek Kontrak Kerja M&E 2B berkaitan. Maka, tiada isu SP8, SP9 dan SP3 ingin mengenakan dan meletakkan kesalahan kepada tertuduh semata-mata. Tiada juga keterangan bagi menunjukkan pertuduhan terhadap tertuduh adalah bermotifkan perbezaan pegangan politiknya sebagaimana cuba ditimbulkan oleh pihak Pembelaan. Keterangan saksi-saksi Pendakwaan telah diuji melalui pemeriksaan balas oleh peguam bela namun, tidak terganggu-gugat sehingga menjejaskan kredibiliti mereka.

[32] Mahkamah ini bersetuju dengan dapatan HMS ini.

[33] Ini boleh dibandingkan dengan kedudukan tertuduh/perayu yang mempunyai kepentingan langsung (direct interest) terhadap surat "P2" itu sendiri khususnya tajuk kepala "P2" itu. Mahkamah ini berpuas hati dan

memutuskan bahawa hanya tertuduh/perayu mempunyai peluang (opportunity) diiringi dengan kepentingan dan justeru itu mempunyai sebab untuk memalsukan "P2". A

[34] Kes ini sama dengan kes *Shivaji Narayan Shinde v. The State Of Maharastra* [1971] 73 BOMLR 215 yang dirujuk pendakwaan yang mana faktanya adalah hampir sama dengan kes ini. Di dalam kes tersebut, mahkamah dijemput untuk menilai keterangan yang telah dikemukakan sama ada tertuduh di dalam kes tersebut merupakan individu yang telah memalsukan beberapa butiran di dalam buku bank milik bapa mertua tertuduh. Mahkamah telah memutuskan bahawa tertuduh merupakan pembuat butiran yang telah dipalsukan di dalam buku bank. B C

[35] Mahkamah juga merujuk kepada kes *Lo Vun Chung v. PP* [2011] 1 LNS 589, iaitu satu kes melibatkan pemalsuan dokumen di bawah s. 468 Kanun Keseksaan seperti kes ini di mana mahkamah mendapati bahawa perayu merupakan individu yang telah memalsukan tandatangan pengadu berdasarkan keterangan ikut keadaan. Mahkamah memutuskan: D

> Taking into account the totality of evidence of both the prosecution and the defence, I am of the view that the Magistrate was correct to conclude that it was the appellant who had forged PW1 signature and used the forged resolution to transfer the four vehicles. The listed circumstances evidence had formed a chain of evidence so complete and strong that it could only lead to an inescapable conclusion that the offence can only be committed by the appellant and no one else. E

[36] Keterangan juga menunjukkan tertuduh/perayu telah juga menyuruh SP3 menderafkan surat sokongan daripada UMS melalui SP8 dan SP9 bagi kepentingan tertuduh/perayu dan syarikatnya, Asli Jati dengan cara yang sama. F

[37] Fakta bahawa tertuduh/perayu adalah orang yang telah memalsukan "P2" juga terbukti daripada keterangan/naratif seterusnya dan juga kelakuan (conduct) tertuduh/perayu sebelum dan selepas kejadian. G

[38] Keterangan menunjukkan seterusnya SP3 telah membawa surat "P2" tersebut yang bertarikh 9 Jun 2021 kepada SP8 untuk ditandatangani SP8. SP3, SP8 dan SP9 telah memberitahu mahkamah bahawa surat "P2", telah ditandatangani oleh SP8 untuk menyokong inisiatif projek smart partnership di antara Asli Jati dan pihak UMS, setelah tertuduh/perayu berjaya meyakinkan SP8 dan SP9 bahawa surat sokongan adalah diperlukan untuk dihantar kepada Perdana Menteri. Menurut SP8, beliau merasa telah ditipu oleh tertuduh/perayu untuk menandatangani "P2". H

[39] Begitu juga dengan "P5" dan "P6", 2 surat sokongan projek lain yang berkaitan dengan syarikat Asli Jati dan UMS masing-masing ditandatangani oleh SP8 (bagi "P6") dan SP9 (bagi "P5"), di mana SP8 dan SP9 berpendapat sebegitu juga. Di dalam erti kata lain, pemahamam SP8 dan SP9 adalah I

dokumen-dokumen yang ditandatangani mereka merupakan dokumen yang mencerminkan smart partnership seperti yang telah dibincangkan oleh mereka bersama dengan SP3 dan tertuduh/perayu sebelum ini.

[40] Berbalik kepada "P2" tadi, SP8 telah menyatakan surat "P2" telah beliau tandatangani di atas arahan tertuduh/perayu. Keadaan tidak mengizinkan beliau mempunyai masa untuk membaca "P2". SP8 menyatakan jika beliau mengetahui "P2" bukan untuk tujuan sebenar, beliau tidak akan menurunkan tandatangannya.

[41] Keterangan seterusnya menunjukkan bahawa pada 13 Jun 2014, tertuduh/perayu telah membawa SP3 bersama ke Pejabat Perdana Menteri di Putrajaya pada pukul 11 pagi. Menurut SP3, sebelum itu, SP3 telah menyerahkan "P2" yang telah ditandatangani SP8 kepada tertuduh/perayu di perkarangan Masjid Putrajaya. Mereka berdua telah seterusnya pergi berjumpa dengan Ketua Setiausaha Sulit kepada Perdana Menteri bernama Dato' Adzlin (arwah). SP3 mengesahkan SP8 dan SP9 tidak ada bersama-sama mereka. Hanya beliau dengan tertuduh/perayu sahaja yang hadir. Keterangan-keterangan ini tidak dicabar secara serius oleh pihak pembelaan semasa SP3 memberikan keterangan.

[42] Sebaliknya, tertuduh/perayu menafikan perkara ini dan menyatakan SP8 yang menyerahkan "P2" kepada Dato' Adzlin sedangkan SP3 telah memberi keterangan bahawa semasa ke pejabat Perdana Menteri, SP8 tidak ada bersama SP3 dan tertuduh/perayu. Keterangan ini gagal dicabar oleh pihak tertuduh/perayu. Malahan, SP8 sendiri juga semasa memberikan keterangan semasa disoal balas oleh pihak pembelaan menafikan yang beliau ada pergi ke pejabat Perdana Menteri pada 13 Jun 2014 dan ada menyerahkan "P2" kepada arwah Dato' Adzlin.

[43] Mahkamah berpendapat keterangan SP3 ini adalah benar dan amat probabel, malahan berdasarkan keterangan tertuduh/perayu sendiri bahawa tertuduh/perayu mempunyai hubungan baik dengan arwah Dato' Adzlin. Ini tidak memungkinkan SP3 atau SP8 boleh berjumpa dan bercakap/berbincang dengan Dato' Adzlin dengan begitu mudah. Seterusnya tidak mungkin SP3 sendiri mahupun SP8 boleh naik ke pejabat arwah Dato' Adzlin untuk mendapatkan cop pada "P2". Justeru, mahkamah ini tidak dapat mempertimbangkan pembelaan yang berbentuk penafian ini.

[44] Sebaliknya, apa yang ketara adalah berdasarkan keterangan SP3 ialah SP3 nampak tertuduh/perayu berbual dengan Dato' Adzlin pada 13 Jun 2014 dan ketika itu "P2" ada bersama dengan tertuduh/perayu. Selepas itu menurut SP3, tertuduh/perayu dan arwah Dato' Adzlin telah masuk ke dalam pejabat arwah Dato' Adzlin bersama "P2" yang masih berada bersama tertuduh/perayu. Apabila keluar daripada pejabat arwah Dato' Adzlin, SP3 tidak nampak lagi "P2" bersama tertuduh/perayu. Hanya satu inferens sahaja yang boleh dibuat, iaitu "P2" telah diterima oleh Dato' Adzlin, untuk diangkat seterusnya kepada SP12 (Perdana Menteri ketika itu).

[45] Keterangan SP3 ini dikukuhkan lagi dengan cop penerimaan bertarikh 13 Jun 2014 pada "P2". Ini adalah kerana satu keterangan dokumentari yang kukuh. Walaupun keterangan SP3 tidak memerlukan sokongan berdasarkan s. 52 ASPRM, berkenaan cop pada "P2", ianya menunjukkan adanya kebenaran kepada keterangan SP3 tersebut.

[46] Mahkamah ini berpendapat adalah amat mustahil bagi tertuduh/perayu tidak melihat cop bertarikh 13 Jun 2014 tersebut dan menjadi tanggungjawab tertuduh/perayu untuk memaklumkan pihak SPRM berkenaan perkara ini seawal mungkin memandangkan keterangan tertuduh/perayu di dalam D32 (pernyataan dalam pembelaan tertuduh/perayu) adalah beliau hanya menyerahkan "P2" pada bulan Julai 2014. Adalah menjadi tanggungjawab tertuduh/perayu untuk memaklumkan pihak SPRM seawal mungkin pembelaannya iaitu ketika D32 dirakamkan, antara lain iaitu beliau tidak pergi ke pejabat Dato' Adzlin dan menyerahkan "P2" pada 13 Jun 2014 sepertimana cop penerimaan "P2" tersebut.

[47] Ke arah itu, mahkamah ini memutuskan tertuduh/perayu mempunyai pengetahuan berhubung cop penerimaan tersebut memandangkan surat eksh. "P2" telahpun dirujuk kepada tertuduh/perayu seawal proses siasatan. Ini dapat dilihat daripada ms. 150 Jilid 3 rekod rayuan pada eksh. D32 (pernyataan dalam pembelaan tertuduh/perayu). Pembelaannya mengenai cop ini adalah tidak boleh diterima.

[48] Hakim bicara adalah betul apabila telah memberi penekanan mengenai sikap negatif tertuduh/perayu ini dengan memutuskan seperti berikut di dalam alasan penghakimannya:

> Walau bagaimanapun, mahkamah mendapati surat P2 telah dirujuk kepada tertuduh semasa dalam siasatan maka, tertuduh mempunyai peluang untuk menjelaskan apa-apa sahaja berkaitan surat P2 itu walaupun tiada soalan spesifik ditanyakan oleh pegawai perakam.

[49] Jelas hakim bicara telah mengarahkan mindanya kepada perkara ini dan telah memberi penekanan yang sewajarnya kepada kegagalan tertuduh/perayu untuk menjelaskan berhubung isu ini. tertuduh/perayu kini tidak boleh menyatakan bahawa dia tidak diberi peluang untuk menjelaskan versinya sedangkan dia telah diberi peluang untuk berbuat sedemikian seawal-awal lagi.

[50] Keterangan mengenai cop tarikh ini kekal tidak tercabar dan telah menguatkan lagi keterangan SP3 bahawa SP3 dan tertuduh/perayu telah pergi ke pejabat Perdana Menteri untuk berjumpa arwah Dato' Adzlin pada 13 Jun 2014.

[51] Tertuduh/perayu di dalam pembelaannya juga telah mencadangkan bahawa surat "P2" itu diposkan. Ini adalah tidak logik dan tidak boleh diterima dan juga bertentangan dengan keterangan ketara di atas. Malahan,

kegagalan tertuduh/perayu untuk mencadangkan kepada SP3, SP8, SP10 dan SP11 semasa saksi-saksi ini memberi keterangan menjadikan ianya sebagai pembelaan difikirkan kemudian (afterthought).

[52] Kegagalan tertuduh/perayu untuk menceritakan bahawa eksh. "P2" juga mungkin diposkan ketika ekhs. D32 dirakam daripada tertuduh/perayu juga melemahkan lagi pembelaan tertuduh/perayu. Perkara ini telah diberi pertimbangan oleh HMS. Kegagalan pihak pembelaan ini melemahkan kes pembelaan tetapi menguatkan kes pendakwaan di mana ia menguatkan lagi keterangan bahawa SP3 nampak tertuduh/perayu ada menyerahkan "P2" kepada arwah Dato' Adzlin pada 13 Jun 2014.

[53] Mahkamah ini mendapati keterangan SP3 dan SP8 adalah konsisten khususnya mengenai "P2" ini dan tidak tergugat ketika disoal balas. Kegagalan tertuduh/perayu untuk menyoal-balas secara serius perkara-perkara penting tentang eksh. "P2" seperti di atas merupakan satu pengakuan kepada keterangan tersebut. Di dalam kes *Wong Swee Chin v. PP* [1980] 1 LNS 138; [1981] 1 MLJ 212, Mahkamah Persekutuan memutuskan "... there is a general rule that failure to cross-examine a witness on a crucial part of the case will amount to an acception of the witness's testimony."

[54] Di dalam kes *Dato' Seri Anwar Ibrahim v. PP* [2002] 3 CLJ 457, Mahkamah Persekutuan menyatakan:

> The Privy Council has stated that the real tests for either accepting or rejecting the evidence of a witness are how consistent the story is with itself, how it stands the test of cross-examination, and how far it fits in with the rest of the evidence and the curcumstances of the case.

[55] Keterangan seterusnya menunjukkan bahawa Perdana Menteri (SP12) telah menerima "P2" tersebut daripada Dato' Adzlin dan dipersetujui beliau lalu akhirnya surat kelulusan "P3" tersebut dikeluarkan.

[56] Mahkamah ini memutuskan di dalam keadaan biasa, Dato' Adzlin bin Alias perlu dipanggil untk memberi keterangan. Namun, beliau telah meninggal dunia akibat daripada kemalangan helikopter pada 4 April 2015 sebelum tertuduh/perayu dipertuduhkan pada bulan Mei 2022.

[57] Justeru, mahkamah memutuskan bahawa inferens bertentangan di bawah s. 114 (g) Akta Keterangan tidak boleh dikenakan terhadap Pendakwa Raya di atas kegagalannya memanggil Dato' Adzlin bin Alias untuk memberi keterangan.

[58] Dengan keterangan-keterangan kukuh dari saksi-saksi pendakwaan yang mahkamah ini telah huraikan sebelum ini, mahkamah ini berpuas hati dan memutuskan bahawa maka adalah tepat apabila hakim bicara (HMS) telah membuat dapatan bahawa pihak pendakwa raya/responden telah berjaya membuktikan di tahap melampaui keraguan munasabah bahawa tertuduh/perayulah orang yang telah memalsukan dan seterusnya

menyerahkan "P2" kepada Dato' Adzlin di pejabat Perdana Menteri di Putrajaya pada 13 Jun 2014 hingga menyebabkan award tersebut telah diluluskan oleh SP12 dan surat "P3" dikeluarkan.

[59] Di bawah s. 464 Kanun Keseksaan ini, pihak pendakwaan tidak perlu membuktikan tertuduh/perayu telah membuat keseluruhan kandungan surat "P2" malahan memadai bagi pendakwaan membuktikan sebahagian daripada kandungan "P2" telah dibuat oleh pihak tertuduh/perayu. Ini boleh diperhatikan daripada penggunaan perkataan ".... or part of a document" di dalam seksyen tersebut.

[60] Di dalam menimbangkan kes pembelaan, mahkamah ini telah turut menimbangkan pembelaan tertuduh/perayu dengan keterangan SP3 di mana mahkamah mendapati adalah jelas pihak tertuduh/perayu gagal mencabar secara serius keterangan SP3 semasa disoal balas bahawa deraf badan surat "P2" dalam komputer di pejabat tertuduh/perayu dan juga kepala surat kosong Timbalan Naib Canselor ada ditinggalkan di pejabat tertuduh/perayu sebelum surat "P2" ditandatangani oleh SP8. SP3 juga berkali-kali mengesahkan bahawa draf surat yang disediakan oleh SP3 dan ditinggalkan dalam komputer pihak tertuduh/perayu tidak mengandungi tajuk dan nombor rujukan.

[61] Secara keseluruhan, di akhir kes, setelah meneliti kes pembelaan dan dibandingkan dengan kes pendakwaan, mahkamah ini bersetuju dengan dapatan HMS bahawa tertuduh/perayu gagal menimbulkan keraguan yang munasabah terhadap kes pendakwaan tetapi sebaliknya Pendakwa Raya telah berjaya membuktikan pertuduhannya ke atas tertuduh/perayu melampaui keraguan yang munasabah. Justeru itu, HMS telah tidak tersilap apabila memutuskan sedemikian di ms. 60 para. 70 alasan peghakimannya.

Adakah Niat Jahat (Mens Rea) Tertuduh/Perayu Telah Berjaya Dibuktikan Oleh Pendakwa Raya?

[62] Dipertekankan sekali lagi di sini bahawa niat jahat perbuatan yang dilakukan seseorang tertuduh seperti tertuduh/perayu adalah amat sukar dibuktikan secara keterangan langsung melainkan ia diakui sendiri oleh tertuduh itu. Undang-undang telah mengiktiraf bahawa ianya boleh dibuktikan melalui keterangan ikut keadaan dengan melihat siri kelakuan tertuduh itu dan keadaan sekeliling. (Sila lihat kes: *Parlan Dadeh v. PP* [2009] 1 CLJ 717)

[63] *Mens rea* tertuduh/perayu di dalam kes ini boleh dilihat daripada kelakuan-kelakuan tertuduh/perayu itu sendiri. Pertama pembohongan tertuduh/perayu yang menyatakan "P2" tidak pernah diserahkan kepada Dato' Adzlin pada 13 Jun 2014 walhal keterangan langsung daripada SP3 yang kredibel menunjukkan sebaliknya. Keduanya cop penerimaan menunjukkan "P2" ada diterima oleh Pejabat Setiausaha Perdana Menteri bertarikh 13 Jun 2014 dan disokong oleh keterangan SP3 serta SP8 gagal ditangkis dengan oleh pembelaan.

A **[64]** Mahkamah ini bersetuju bahawa kesemua keterangan yang ada jelas menunjukkan pihak pendakwaan telah membuktikan di tahap melampaui keraguan munasabah bahawa tertuduh/perayu secara tidak jujur telah membuat tajuk "projek" tersebut di dalam "P2" dan tertuduh/perayu juga mengetahui UMS tidak pernah memberikan kuasa kepada tertuduh/perayu
B untuk berbuat demikian. Tindakan tertuduh/perayu yang telah turut berjaya mendapatkan surat sokongan daripada SP9 (untuk "P5") dan dari SP8 (untuk "P6") melalui *modus operandi* yang sama bagi projek lain dan telah diangkat kepada Dato' Adzlin juga menguatkan lagi kes pendakwaan berkaitan dengan isu mengenai "P2" ini, menunjukkan "conduct" di mana adalah biasa bagi
C tertuduh/perayu yang mempunyai hubungan baik dengan arwah Dato' Adzlin (yang diakui tertuduh/perayu sendiri) untuk mendapatkan surat sokongan dari UMS bagi apa-apa projek melibatkan smart partnership dengan UMS dan diserahkan kepada arwah Dato' Adzlin bagi mendapatkan kelulusan SP12.

D **[65]** Mahkamah boleh membuat inferens di sini iaitu tertuduh/perayu telah membuat sebahagian "P2" bagi membuatkan mana-mana orang mempercayai bahawa "P2" telah dibuat dengan kuasa yang diberikan oleh UMS walhal UMS tidak pernah memberikan apa-apa kebenaran kepada tertuduh/perayu. Tertuduh/perayu tidak pernah mencadangkan kepada SP1
E (Naib Canselor UMS), SP3, SP8 dan SP9 semasa soal balas bahawa tertuduh/perayu telah diberikan kebenaran oleh SP1 atau pihak UMS untuk menyediakan sebahagian surat "P2" tersebut.

[66] Niat jahat (*mala fide*) tertuduh/perayu juga terbukti apabila beliau sendiri mengakui beliau mempunyai hubungan rapat dengan SP12, dan
F dengan keistimewaan sedemikian, beliau mempunyai peluang (opportunity) yang SP3, SP8, SP9 tidak mempunyai kelebihan sedemikian sehinggakan sanggup menghantar surat D15 dengan "letterhead" Asli Jati untuk penyambungan kontrak lama Asli Jati dengan UMS selama lima tahun, terus kepada SP12. Perkara ini diakui sendiri oleh tertuduh/perayu.

G **[67]** Ini menunjukkan niat dan kelakuan jahat tertuduh/perayu yang sengaja membelakangi UMS kerana tidak meminta kebenaran UMS terlebih dahulu, seolah-olah projek itu memang milikan tertuduh/perayu atau Asli Jati.

[68] Niat jahat tertuduh/perayu juga boleh dilihat daripada niat buruk dan perbuatan tertuduh/perayu di mana beliau telah mengetahui bahawa projek
H ini telahpun diawardkan kepada syarikat lain iaitu REMT sebelum ini melalui tender terbuka oleh UMS. Justeru itu, isu award bagi projek ini sepatutnya telahpun selesai. Malahan, syarikat Asli Jatinya telah mengambil bahagian di dalam tender terbuka tersebut namun tidak berjaya.

I **[69]** Namun, tertuduh/perayu masih beria-ia untuk mendapatkan projek ini walhal tertuduh/perayu sedia maklum mengenai kedudukan sebenar. Ini jelas merupakan satu "dishonest concealment of facts" oleh tertuduh/perayu.

Tertuduh/perayu telah menyembunyikan fakta ini ketika berurusan dengan SP3, SP8 dan SP9 bagi maksud asal iaitu merealisasikan projek "smart partnership" tersebut. Perbuatan tertuduh/perayu yang disengajakan ini tergolong di bawah explanation 1 kepada s. 415 Kanun Keseksaan sebagai satu bentuk niat jahat (bad faith). Explanation 1 kepada s. 415, Kanun Keseksaan berbunyi:

> A dishonest concealment of facts is a deception within the meaning of this section.

[70] HMS telah mengambil pertimbangan mengenai perkara-perkara ini apabila di ms. 42 para 38, alasan penghakimnya memutuskan seperti berikut:

> [38] Mahkamah seterusnya bersetuju dengan hujahan pihak Pendakwaan bahawa mustahil tertuduh tidak mengetahui tentang status Projek 2B yang telah dibuat secara tender terbuka sedangkan Syarikat Asli Jati Engineering Sdn Bhd (AJESB) adalah salah satu syarikat yang memasuki tender terbuka bagi Projek tersebut. Malahan **terdapat keterangan daripada SP1 (Naib Canselor UMS) bahawa tertuduh telah berjumpa SP1 dan memarahi SP1 kerana Syarikat AJESB tidak mendapat kontrak** Kerja-Kerja M&E Fasa 2B. Mahkamah mendapati ini merupakan suatu keterangan relevan di bawah seksyen 8 Akta Keterangan 1950 bagi menunjukkan tingkahlaku kemudian (subsequent conduct) tertuduh iaitu reaksi tertuduh selepas mendapati Syarikat AJESB tidak berjaya memenangi tender terbuka tersebut. (penekanan ditambah)

[71] Keterangan juga menunjukkan bahawa SP12, sebagai seorang Perdana Menteri merangkap Menteri Kewangan telah berjaya diperdayakan oleh tertuduh/perayu dengan surat sokongan "P2" tersebut yang akhirnya mengakibatkan surat kelulusan "P3" dikeluarkan.

[72] Tertuduh/perayu juga tidak pernah memaklumkan kepada SP12 bahawa projek tersebut sebenarnya telah diputuskan oleh UMS untuk diberikan secara tender terbuka sebelum ini dan syarikat REMT telah berjaya dan diawardkan dengan projek ini sebelum ini. Ini merupakan satu lagi niat jahat tertuduh/perayu. SP12 telah menyatakan beliau tidak akan meluluskannya jika mengetahui bahawa fakta di dalam "P2" adalah tidak benar.

[73] Di dalam pernyataan saksinya, SP12 telah turut menyatakan: "Saya berasa marah pada masa itu kerana merasakan diri saya diperdayakan ..." (ms. 1301 Jilid 2G). Apapun, ekoran daripada kejadian ini, SP12 dan MOF (kementerian kewangan) telah menarik balik keputusannya.

[74] Satu lagi niat jahat tertuduh/perayu yang beliau sendiri meyakini ialah walaupun beliau mengetahui Syarikat REMT telah terpilih melalui tender terbuka bagi projek ini, namun katanya ianya boleh diubah mengikut keadaan dan pernah dilakukan olehnya. Ini adalah satu pendekatan dan pendirian yang dicemari dengan niat buruk. Sebagai bekas menteri, tertuduh/perayu tidak boleh berpendirian sedemikian kerana ianya salah dari undang-undang. Tertuduh/perayu mengaku cara demikian adalah biasa.

[75] Mahkamah bersetuju dengan TPR yang mengendalikan rayuan ini bahawa tanpa tajuk di dalam "P2", surat sokongan "P2" menjadi tidak bermakna (worthless), begitu juga keadaan di mana "P2" hanya mempunyai tajuk dan tanpa isi kandungan. Tetapi "P2" sekarang adalah satu surat yang lengkap dan mempunyai legal force malah menurut SP4, MOF (Kementerian Kewangan) telah bertindak berdasarkan "P2". Kini "P2" telah menjadi satu dokumen yang lengkap dan telah digunakan tertuduh/perayu untuk mempengaruhi SP12, Perdana Menteri ketika itu, Dato' Sri Najib Razak untuk mempercayai "P2" dibuat dengan kuasa yang diberikan oleh UMS.

[76] Mahkamah ini memutuskan tindakan tertuduh/perayu ini telah jelas menunjukkan niat jahat sebenar tertuduh/perayu apabila penyerahan "P2" oleh tertuduh/perayu sendiri kepada arwah Dato' Adzlin pada 13 Jun 2014 adalah dengan satu sahaja tujuan iaitu untuk menipu.

[77] Justeru itu, mahkamah ini setelah meneliti alasan penghakiman HMS mendapati HMS telah tidak tersalah arah dan keputusan dibuatnya adalah betul dan tidak wajar diganggu.

Sama Ada Ketiadaan Sanksi Di Bawah Seksyen 129 Kanun Tatacara Jenayah Telah Memudaratkan Pertuduhan Ke Atas Tertuduh/Perayu?

[78] Isu ini adalah suatu isu baru yang hanya dibangkitkan di peringkat rayuan ini dan isu ini tidak pernah dibangkitkan semasa perbicaraan.

[79] Perkara 145(3) Perlembagaan Persekutuan dengan jelas menyatakan kuasa untuk memulakan sesuatu prosiding jenayah adalah terletak pada Pendakwa Raya. Berdasarkan kepada petikan s. 129(1)(a), (b) dan (c) KTJ hanya di dalam kes yang tidak dimulakan oleh Pendakwa Raya sahaja suatu sanksi daripada Pendakwa Raya diperlukan bagi kesalahan tertentu. Penggunaan perkataan "Except" dipermulaan ayat dalam s. 129(1) memberi erti bahawa jika pertuduhan dimulakan oleh Pendakwa Raya sendiri maka tiada keperluan sanksi untuk dikeluarkan.

[80] Mahkamah berpendapat bagi kes ini tiada keperluan untuk sebarang sanksi kerana kes terhadap tertuduh/perayu dimulakan oleh Pendakwa Raya. Ini dibuktikan dengan wujudnya izin di bawah s. 58 ASPRM yang berbunyi:

> 58. Prosecution of offences.
>
> A prosecution for an offence under this Act shall not be instituted except by or with the consent of the Public Prosecutor.

[81] Malah pendakwaan yang dimulakan oleh pihak pendakwaan ke atas pihak tertuduh/perayu adalah terhadap suatu kesalahan di bawah jadual yang ditetapkan oleh ASPRM maka hanya peruntukkan di dalam ASPRM sahaja terpakai kerana ASPRM adalah undang-undang spesifik yang mengatasi apa-apa undang-undang am yang ada. Seksyen 67 ASPRM (di dalam Bahasa Inggeris) berbunyi seperti berikut:

> Notwithstanding any other written law to the contrary, the provisions of this Act shall apply to a prescribed offence regardless of whether the prosecution or any proceedings in respect of such offence are instituted or taken by an officer of the Commission, or a police officer or customs officer, or any other officer having powers to investigate, prosecute or take any proceedings in respect of such offence.

[82] Seksyen 468 Kanun Keseksaan adalah satu prescribed offence di bawah s. 3 ASPRM. Justeru, Mahkamah Sesyen mempunyai bidang kuasa untuk membicarakan kes ini.

[83] Mahkamah bersetuju kewujudan suatu izin di dalam kes ini jelas menunjukkan pihak Pendakwa Raya telah mempertimbangkan segala keterangan bagi menyokong pertuduhan di bawah s. 468 Kanun Keseksaan terhadap pihak tertuduh/perayu.

Sama Ada Pembelaan Tertuduh/Perayu Telah Dipertimbangkan

[84] Mahkamah telah meneliti rekod rayuan dan mendapati HMS telah mempertimbangkan pembelaan tertuduh/perayu secara terperinci. Secara kesimpulannya, HMS telah mendapati keterangan tertuduh/perayu adalah penafian, tidak konsisten dan satu pemikiran terkemudian (afterthought) semata-mata dibandingkan dengan kekuatan dan kekukuhan keterangan pihak pendakwaan sepertimana yang telah mahkamah ini sentuh sebelum ini. HMS telah mempertimbangkan keterangan tertuduh/perayu yang menafikan yang tertuduh/perayu yang telah membuat sebahagian tajuk surat "P2" dengan memasukkan pernyataan palsu pada tajuk surat "P2" dan memutuskan bahawa berdasarkan keterangan-keterangan yang ada pembelaan ini tidak dapat dipertahankan.

[85] HMS juga telah menimbangkan keterangan penafian tertuduh/perayu bahawa tertuduh/perayu tidak menyerahkan surat "P2" ini kepada Dato' Adzlin pada 13 Jun 2014, sebaliknya oleh SP8. HMS mendapati penafian ini tidak boleh dipertahankan dengan keterangan-keterangan kukuh daripada pendakwaan khususnya keterangan SP3 dan keterangan mengikut keadaan.

[86] HMS juga telah menimbangkan isu yang dibangkitkan tertuduh/perayu bahawa aduan dan siasatan terhadap tertuduh/perayu telah diasaskan berkaitan tuduhan pemberian wang rasuah kepada SP8, SP9 dan pihak UMS. Namun, isu mengenai tajuk surat "P2" dan SP3 telah pergi ke pejabat tertuduh/perayu dan menaip deraf surat berkenaan yang menjadi pertuduhan sekarang tidak ditanya semasa siasatan. Ini bermakna pendakwaan tidak memberikan notis awal (Alcontara Notice) kepada pembelaan mengenai perkara-perkara yang berkaitan dengan pertuduhan terhadapnya.

[87] Mahkamah mendapati ini adalah tidak tepat. Ini akan diperhalusi kemudian. Sebaliknya, mahkamah berpendapat, pihak pembelaan dan tertuduh/perayu sendiri gagal untuk memberikan maklumat seawal mungkin

(Alcontara Notice) kepada pihak SPRM ketika D32 dirakamkan terhadap tertuduh/perayu berkenaan maklumat penting yang menjadi asas pembelaan tertuduh/perayu.

[88] Contohnya, memandangkan SD2 merupakan saksi penting tertuduh/perayu namun, tertuduh/perayu langsung tidak mendedahkan tentang kewujudan SD2, semasa SP3 sedang menaip deraf di pejabat tertuduh/perayu dan tidak pula mencadangkan bahawa komputer yang digunakan SP3 di pejabat tertuduh/perayu mempunyai password, ketika rakaman D32 dibuat terhadap tertuduh/perayu dan perkara ini juga tidak dicadangkan kepada SP3 melalui soal balas semasa perbicaraan. Malah, versi-versi pembelaan tertuduh/perayu dipenuhi dengan penafian dan keterangan berbentuk afterthought termasuk isu-isu yang merupakan teras pembelaan.

[89] Seperti yang diperkatakan tadi, nama SD2 tidak pernah timbul semasa kes ini dibicarakan di peringkat pendakwaan dan kali pertama timbul di peringkat pembelaan. Malahan, pihak pembelaan tidak pernah mencadangkan nama SD2 ini semasa pegawai-pegawai penyiasat dan SP3 memberikan keterangan.

[90] Pihak pembelaan juga tidak mencadangkan kepada mana-mana saksi pihak pendakwaan bahawa SD2 ini adalah pekerja tertuduh/perayu selain tertuduh/perayu sendiri. Yang ada mengikut keterangan kalau mengikut D27 (senarai penyitaan harta) adalah seorang bernama "Anita" sebagai seorang pekerja tertuduh/perayu, semasa rampasan CPU komputer dari bilik tertuduh/perayu dilakukan.

[91] Justeru, untuk menguatkan kes pembelaan, Anitalah yang sepatutnya dipanggil juga tetapi tidak dipanggil. Malah, di dalam D32 itu sendiri tidak pernah timbul nama SD2 ini.

[92] Mahkamah ini setelah menimbang pembelaan tertuduh/perayu mendapati, keterangan tertuduh/perayu dan SD2 bercanggah dan menimbulkan keraguan sama ada benar-benar SD2 bekerja di pejabat tertuduh/perayu. Tertuduh/perayu di dalam keterangannya semasa pemeriksaan utama mengatakan pejabat tertuduh/perayu mempunyai CCTV dan buku pelawat, manakala SD2 yang "kononnya" adalah pekerja tertuduh/perayu pula memberitahu mahkamah semasa disoal balas bahawa pejabat tertuduh/perayu tidak mempunyai CCTV dan buku pelawat. Malah, semasa di peringkat kes pendakwaan tiada apa-apa cadangan dibuat kepada mana-mana saksi pihak pendakwaan tentang kewujudan CCTV dan buku pelawat oleh pihak pembelaan.

[93] Mengenai hujahan tertuduh/perayu bahawa beliau telah dinafikan haknya untuk mengemukakan pembelaannya yang sebenar dari awal kerana Alcontara notice tidak diberikan, mahkamah mendapati HMS telah meneliti dan menimbang kes pendakwaan dan pembelaan semasa perbicaraan dan juga

semasa siasatan terhadap tertuduh/perayu. Berikut adalah dapatan HMS mengenai ini di ms. 58 alasan penghakimannya yang berbunyi seperti berikut:

> Mahkamah mendapati surat P2 telah dirujuk kepada tertuduh semasa dalam siasatan maka, tertuduh mempunyai peluang untuk menjelaskan apa-apa sahaja berkaitan surat P2 itu walaupun tiada soalan spesifik ditanyakan oleh pegawai perakam. Isu berkaitan SB2, kata laluan komputer dan soalan berkaitan surat P2 jikapun tidak ditanya semasa siasatan masih boleh dibangkitkan semasa peringkat kes pendakwaan. Sepanjang perjalanan kes ini juga tertuduh tidak pernah membangkitkan sebarang isu berhubung kekeliruan terhadap pertuduhan yang dihadapi olehnya dan telah mengemukakan pembelaannya tanpa sebarang bantahan. Maka, mahkamah mendapati tiada isu bahawa tertuduh tidak dapat mengemukakan pembelaannya kerana hal tersebut dan ia juga tidak memprejudiskan tertuduh untuk mengemukakan pembelaannya secara adil.

[94] Meneliti semula pembelaan tertuduh/perayu, mahkamah mendapati kredibiliti SD2 adalah amat diragui. Mahkamah ini bersetuju dengan hujahan TPR bahawa keterangan SD2 mula goyah apabila disoal balas dengan jitu oleh pihak pendakwaan. SD2 telah mengakui bahawa SD2 tidak mengenali SP3, tidak pernah berjumpa SP3 dan tidak tahu rupa SP3. Tidak hairanlah pihak pendakwaan menghujahkan bahawa di dalam keadaan sedemikian, tidak mungkin SD2 boleh menyatakan SP3 tidak pernah datang ke pejabat tertuduh/perayu melainkan telah "diajar" oleh tertuduh/perayu untuk berkata sedemikian.

[95] Mahkamah ini bersetuju dengan hujah TPR yang mengendalikan rayuan ini yang berpendapat pembelaan tertuduh/perayu bertambah lemah apabila SD2 semasa disoal balas bersetuju bahawa di dalam keadaan beliau bercuti dan tidak mengenali SP3, beliau tidak akan tahu jika SP3 ada datang ke pejabat tertuduh/perayu atau tidak. Manakala, jawapan SD2 semasa diperiksa semula menjadi bercelaru dan tidak logik dibandingkan dengan jawapan SD2 semasa disoal balas oleh pihak pendakwaan. Ini melemahkan lagi kredibiliti SD2 sebagai saksi utama dan HMS telah mengambilkira perkara ini.

[96] Justeru, mahkamah ini berpendapat keterangan SP3 kekal kukuh antara lain, bahawa SP3 telah meninggalkan surat kosong yang mempunyai letterhead Timbalan Naib Canselor di pejabat tertuduh/perayu dan keesokkannya SP3 menerima daripada tertuduh/perayu "P2" yang telah mempunyai tarikh dan isi kandungan beserta tarikh.

[97] Justeru, mahkamah ini bersetuju dengan dapatan HMS bahawa di akhir kes setelah membandingkan kes pembelaan dan kes pendakwaan dan setelah mengambilkira keprobabelan kes (probability of the case), mahkamah

A ini memutuskan bahawa Pendakwa Raya telah berjaya membuktikan kesnya melampaui keraguan yang munasabah dan pihak tertuduh/perayu telah gagal menimbulkan keraguan yang munasabah terhadapnya.

Rayuan Tertuduh/Perayu Terhadap Hukuman

B **[98]** Tertuduh/perayu telah merayu terhadap hukuman yang mengikut tertuduh/perayu adalah terlalu berat dan tidak sesuai.

[99] Mahkamah ini mengambil maklum bahawa kesalahan di bawah s. 468 memperuntukkan pemenjaraan sehingga tujuh tahun serta hukuman denda. Adalah menjadi tanggungjawab mahkamah sebelum menjatuhkan hukuman C supaya memberi keutamaan kepada kepentingan awam yang mengatasi kepentingan peribadi tertuduh/perayu sendiri sepertimana yang ditekankan di dalam kes *PP v. Loo Choon Fatt* [1976] 1 LNS 102; [1976] 2 MLJ 256.

[100] Namun, kepentingan seseorang tertuduh tidak boleh diketepikan langsung. (Lihat kes *Tan Sri Abdul Rahim Noor v. PP* [2001] 1 CLJ 645; [2001] D 1 MLJ 193). Bergantung kepada keadaan masing-masing, terdapat keadaan di mana kepentingan awam sendiri mewajarkan seseorang tertuduh itu tidak dimasukkan ke dalam penjara di dalam tempoh yang panjang kerana ia akan membawa banyak keburukan daripada kebaikan, di mana seseorang pesalah itu akan menjadi penjenayah tegar (hardened criminal) selepas menjalani E hukuman penjara.

[101] Justeru itu, mahkamah ini sebagai mahkamah yang mendengar rayuan perlu menjalankan satu kaedah pengimbangan (balancing exercise) untuk memastikan keadilan dilaksanakan kepada mangsa/orang awam dan juga tertuduh/perayu di dalam menentukan hukuman yang sesuai yang akan F dijatuhkan. Ke arah itu, mahkamah akan menggunakan kaedah ini di dalam menentukan hukuman yang sesuai di dalam kes ini.

[102] Mahkamah juga ingin memetik ungkapan Hakim Mahkamah Rayuan YA Datuk Seri Gopal Sri Ram di dalam kes *Adam Atan v. PP* [2009] 1 CLJ 33 yang menyatakan:

G

> In an appeal against sentence, the initial function of this court is one of review only. The fact that each of us sitting separately or together would have imposed a lesser sentence is irrelevant. The appellant must satisfy this court that the sentencing court has either erred in principle or imposed a sentence that was manifestly excessive. We find it unnecessary to cite H any authority in support of this well-established principle.

[103] Di dalam kes ini, HMS setelah mempertimbangkan rayuan mitigasi dan hujahan pemberatan dan peringanan daripada kedua-dua pihak, telah menjatuhkan hukuman pemenjaraan selama tiga tahun penjara dan denda RM50,000 atau penjara 15 bulan jika gagal bayar dan berpendapat tertuduh/ I perayu perlulah diasingkan dan disisihkan daripada masyarakat dalam

tempoh waktu tersebut bagi menyedarkan dirinya tentang kesalahan yang telah dilakukannya dan sebagai hukuman dan pengajaran atas perbuatannya itu. Sebagai seorang pemimpin masyarakat, ahli politik dan bekas menteri, tertuduh/perayu perlulah menunjukkan contoh yang baik kepada masyarakat namun, tertuduh/perayu telah mensia-siakan kepercayaan rakyat terhadapnya dengan melakukan kesalahan sedemikian. Mahkamah berpendapat dapatan HMS sedemikian adalah betul dan tepat dan tidak wajar diganggu.

[104] Mahkamah ini turut bersetuju dengan dapatan HMS bahawa walaupun tertuduh telah memberi bantuan kepada pelajar-pelajar UMS selama ini, perkara tersebut tidak seharusnya menghalalkan apa-apa kesalahan yang dilakukan olehnya. Mahkamah ini bersependapat dengan dapatan HMS bahawa perbuatan tertuduh/perayu yang sanggup melakukan apa sahaja demi mendapatkan projek di UMS tersebut adalah satu tindakan yang tamak dan tidak menghormati undang-undang negara serta prosedur-prosedur yang terpakai.

[105] Mahkamah ini berpendapat hukuman yang berbentuk deteren dan pengajaran perlu diberikan. Hukuman ini juga dapat menghantar mesej dan amaran keras kepada bakal-bakal pesalah di luar sana bahawa cara mendapatkan projek seumpama itu dengan cara salah dan tidak amanah tidak harus dilakukan tertuduh/perayu sebagai seorang pemimpin dan seorang bekas menteri yang berpengaruh di negeri Sabah. Justeru, mahkamah bersetuju dengan dapatan HMS untuk mengenakan hukuman sedemikian dan keputusan ini tidak sepatutnya diganggu.

[106] Mahkamah ini juga ambil maklum bahawa kes ini juga telah melalui perbicaraan penuh dan mengambil masa lebih kurang dua tahun. Mahkamah ini bersetuju dengan dapatan HMS bahawa masa dan kos pihak-pihak yang terlibat wajar diambilkira juga.

[107] Mahkamah ini juga telah membuat pertimbangan yang memihak tertuduh/perayu di mana di dalam kes ini tidak terdapat kerugian dan keuntungan salah yang dialami oleh mana-mana pihak. Mahkamah ini juga telah mengambilkira kontribusi tertuduh/perayu kepada UMS khususnya pelajar-pelajarnya. Mahkamah juga berpendapat hukuman yang dijatuhkan HMS adalah wajar dan memadai sebagai pengajaran kepada tertuduh/perayu.

[108] Mahkamah ini juga telah mengambil kira trend hukuman semasa bagi kesalahan ini.

[109] Ke arah itu, menimbang segala faktor-faktor di atas, mahkamah ini berpendapat hukuman yang dijatuhkan HMS iaitu tiga tahun penjara adalah sesuai dan berpatutan. Perlu ditekankan di sini bahawa, hukuman yang dijatuhkan HMS adalah kurang dari setengah daripada hukuman maksima

A tujuh tahun, sedangkan di bawah s. 172D Kanun Tatacara Jenayah, hanya tertuduh/perayu yang mengaku bersalah melalui "plea bargaining" sahaja yang layak mendapat hukuman separuh dari maksima sedangkan tertuduh/perayu telah tidak mengaku bersalah dan kes ini telah melalui satu perbicaraan penuh.

B **[110]** Sebagai tambahan kepada hukuman penjara, HMS telah menjatuhkan hukuman denda RM50,000 atau pemenjaraan selama 15 bulan jika denda tersebut gagal dibayar. Mahkamah ini bersetuju jumlah denda tersebut adalah berpatutan setelah mahkamah mengambil-kira keseriusan kesalahan, fakta dalam kes ini dan hukuman-hukuman dalam kes serupa yang dirujuk oleh
C pihak pendakwaan dan juga sebagai pengajaran kepada tertuduh/perayu serta sebagai peringatan kepada bakal-bakal pesalah supaya jangan melakukan kesalahan sebegini. Mahkamah ini juga telah mempertimbangkan apa-apa hukuman yang berat daripada ini akan mengakibatkan "crushing effect" terhadap tertuduh/perayu dan akan memudaratkan tertuduh/perayu.

D **Kesimpulan**

[111] Di atas alasan-alasan yang dinyatakan tersebut, rayuan tertuduh/perayu terhadap sabitan dan hukuman adalah dengan ini ditolak, keputusan Hakim Mahkamah Sesyen (HMS) dikekalkan.

E

F

G

H

I